

01 MAR 1997

Mahathir-KWSP

DR MAHATHIR MINTA PENCARUM KWSP SAMBUT BAIK DIVIDEN 7.7 PERATUS

KUALA LUMPUR, 1 Mac (bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) harus menerima baik dan berpuashati dengan dividen 7.7 peratus bagi tahun lepas seperti yang diumumkan oleh KWSP semalam.

Perdana Menteri berkata walaupun kenaikan hanya 0.2 peratus berbanding dividen 7.5 peratus bagi 1995, namun ia sesuatu yang dianggap baik.

"Cukuplah, kerana ia lebih daripada dulu (1995)," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Hari Raya Persatuan Bekas Pelajar Kolej Sultan Abdul Hamid, di sini hari ini. Dr Mahathir ialah presiden persatuan itu.

Katanya dividen 7.7 peratus itu memadai jika dibandingkan dengan negara-negara lain.

"Semua harus menerimanya... masa dulu pencarum diberi 2 peratus sahaja berbanding sekarang...apa nak komplek lagi," katanya.

Mengenai siasatan polis berhubung kes kehilangan not baru RM500, Dr Mahathir berkata beliau menyerahkan kepada Bank Negara untuk melakukan sesuatu termasuk merombak struktur organisasinya agar kejadian seumpama itu tidak berulang.

"Dulu sekali pernah buat rombakan tetapi tak boleh pakai," katanya bila ditanya adakah perlu dilakukan rombakan dalam Bank Negara berikutan kejadian itu memandangkan rombakan dahulu tidak begitu berkesan.

Sebuah akhbar hari ini melaporkan mengenai kehilangan 200 keping not baru RM500 daripada Bank Negara yang masih belum ada dalam pasaran. Laporan itu menyatakan seorang lelaki telah menukarkan sampel duit kertas RM500 itu di sebuah bank komersil di Sungai Buloh. --BERNAMA

ARA MAI